



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN : 11/2000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ELAUN PELAJARAN DAN TAMBANG

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini dimaklumkan bahawa **paragraf (C) bilangan 5.1** dari Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 3/1999, bertarikh 19 Syawal 1419 / 06 Februari 1999, adalah dengan ini dipinda dari :

- 5.1 Pegawai-pegawai yang anak-anak mereka menerima pelajaran sepenuh masa di sekolah berbayar di Negara Brunei Darussalam, yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan akan menerima sebanyak \$120.00 sebulan bagi seorang anak, kecuali yang menuntut di Jerudong International School.
- kepada :
- 5.1 Pegawai-pegawai yang anak-anak mereka menerima pelajaran sepenuh masa di sekolah berbayar di Negara Brunei Darussalam, yang telah diluluskan oleh Kemontorian Pendidikan akan menerima sebanyak \$120.00 sebulan bagi seorang anak.
2. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2000.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

[DATO PADUKA HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (11) JPM/SK/2000

Tarikh : 19 Rejab 1421
17 Oktober 2000